

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LARRY SOON [JULAU]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pembayaran penuh SST produk petroleum bagi tahun 2019 sebanyak RM2.96 bilion oleh Petronas kepada Kerajaan Negeri Sarawak akan mempengaruhi peruntukan pembangunan Belanjawan 2021 untuk Sarawak.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) dan juga Rancangan Malaysia Ke Dua Belas (RMKe-12) telah menggariskan objektif dan dasar Kerajaan bagi mencapai kesaksamaan pengagihan pembangunan dalam menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, etnik, pembangunan wilayah dan rantaian bekalan. Bagi mencapai hasrat ini, Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada kemakmuran rakyat di seluruh negara termasuk rakyat di negeri Sarawak. Kerajaan juga sentiasa memastikan kesejahteraan rakyat terus menjadi keutamaan bagi memelihara dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

2. Berbalik kepada persoalan Ahli Yang Berhormat. Pertamanya, dari segi perakaunan, segala hasil pendapatan yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan, samada SST atau seumpamanya, akan dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan dan pembayaran penuh SST produk petroleum oleh PETRONAS kepada Kerajaan Negeri Sarawak semestinya, pada masa yang sama akan mengurangkan sumber hasil Kerajaan Persekutuan kerana kedua-dua daripada sumber yang sama.

Secara langsung, kemampuan Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek pembangunan melalui lebihan hasil berbanding kaedah pinjaman adalah terhad. Kesan terhadap agihan peruntukan adalah bersifat menyeluruh dan tidak tertumpu kepada negeri Sarawak semata-mata.

3. Keduanya, meskipun Kerajaan Persekutuan kehilangan hasil SST produk petroleum kepada negeri Sarawak, dasar dan keutamaan Kerajaan masih kekal untuk memberi tumpuan kepada enam negeri termasuk Sarawak, samada dari segi peratusan pengagihan peruntukan mahupun kelulusan bagi projek-projek baharu.

NO. SOALAN : 42

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh dua tahun terakhir RMKe-11 ini juga, Sarawak telah menerima peruntukan sebanyak RM4.346 bilion daripada RM54.7 bilion peruntukan keseluruhan di bawah *Rolling Plan 4* (2019) dan peruntukan sebanyak RM4.470 bilion daripada RM56.0 bilion peruntukan keseluruhan di bawah *Rolling Plan 4* (2020).

4. Ketiganya, keadaan ini akan memberi ruang kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan negeri Sarawak dalam membangunkan negeri Sarawak. Dengan sumber hasil tambahan SST yang diterima, kerajaan negeri Sarawak lebih berkemampuan untuk melaksanakan sendiri sesetengah projek pembangunan negeri ataupun melaksanakan projek secara perkongsian kos di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

5. Kerajaan menyedari bahawa kemampunan dan ruang fiskal negara yang ada pada masa ini adalah terhad. Dalam hal ini, Kerajaan akan meneliti semula model pembiayaan yang lebih mampan melalui kerjasama pintar dengan izin "*smart partnership*" di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan projek-projek pembangunan di negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih.